

SYARAT-SYARAT KHAS KELULUSAN BAGI PERNIAGAAN MENCUCI KERETA

1. Waktu perniagaan yang dibenarkan adalah dari pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang.
2. Hanya aktiviti mencuci kereta sahaja yang dibenarkan dijalankan di tempat tersebut.
3. Air limbahan daripada aktiviti mencuci kereta hendaklah disalurkan ke longkang dan tidak dibenarkan mengalir keatas jalan.
4. Perniagaan yang dijalankan hendaklah tidak menghalang/mengganggu laluan masuk ke taman perumahan.
5. Pengusaha dilarang sama sekali memasang alat muzik semasa urus niaga dijalankan.
6. Sebarang pembinaan struktur berbentuk kekal atau sementara hendaklah mendapat kelulusan dari majlis perbandaran selangor.
7. Pengusaha dikehendaki mendapat kelulusan daripada jabatan perancang Bandar dan kawalan pembangunan, MPS untuk mendirikan khemah atau meletak kontena.
8. Pengusaha hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekitar.
9. Pengusaha diberi tempoh percubaan selama tiga bulan dan sekiranya dalam tempoh tersebut terdapat aduan orang awam, pihak majlis akan menarik balik kelulusan/ membatalkan lesen dengan serta merta.
10. Lain-lain syarat yang akan dikeluarkan oleh majlis perbandaran selangor dari semasa ke semasa.